

PERLINDUNGAN

A-Life *Signature-i*

# Melindungi Masa Depan Mereka Yang Tersayang



**AIA PUBLIC  
TAKAFUL**

Sebahagian dari



**THE REAL LIFE  
COMPANY**

Sebahagian dari



**THE REAL LIFE  
COMPANY**



**AIA PUBLIC  
TAKAFUL**

[aiapublic.com.my](http://aiapublic.com.my)



Saban hari anda bertungkus-lumus untuk melindungi dan menyara hidup mereka. Anda telah mengesat segala tangisan. Mencurahkan kasih sayang dan membelai jiwa dan raga mereka dalam susah dan senang. Meraikan setiap kejayaan tidak kira betapa kecil. Keluarga bukan sahaja penting bagi anda, merekalah segala-galanya.

Dan anda telah bekerja keras selama ini untuk membina asas yang kukuh demi kepentingan mereka. Kini sambil anda merancang untuk masa depan mereka, timbul soalan yang mungkin tidak pernah terlintas dalam kotak fikiran anda, "Siapa yang akan menjaga keperluan mereka apabila saya tiada kelak?"

Memperkenalkan A-Life Signature-i, pelan Takaful berkaitan pelaburan yang dirangka untuk melindungi dan menjamin gaya hidup berkualiti mereka yang paling anda sayangi. Pilih tempoh perlindungan dan jumlah bayaran setiap bulan. Dengan faedah tambahan pilihan, anda juga dilindungi sekiranya menghidap penyakit kritikal.

Sekiranya berlaku kematian atau kehilangan upaya menyeluruh kekal, keluarga anda akan menerima 100% dari jumlah dilindungi atau nilai akaun, yang mana lebih tinggi. Untuk kematian akibat kemalangan atau kematian ketika anda sedang menjalankan ibadah *Haji* atau *Umrah*, keluarga anda akan menerima 200% dari jumlah dilindungi atau nilai akaun, yang mana lebih tinggi. Sememangnya tiada apa yang boleh menggantikan orang tersayang yang pergi buat selama-lamanya, tetapi sekurang-kurangnya jumlah bayaran yang disediakan akan membolehkan pasangan dan anak-anak anda mengekalkan gaya hidup semasa dan berusaha mencapai impian dan cita-cita mereka.

Jangan biarkan perkara kecil mengganggu rancangan besar anda. Berikan jaminan masa depan yang terbaik buat keluarga anda. Dengan A-Life Signature-i, anda mengukuhkan asas kewangan demi hari esok mereka.

## Lihat faedah-faedah dengan lebih dekat



**MELINDUNGI MASA DEPAN DAN GAYA HIDUP ORANG KESAYANGAN ANDA!**

**100%** jumlah dilindungi<sup>1</sup> atau nilai akaun akan dibayar sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya menyeluruh kekal (HUMK)<sup>2</sup>



**200%** jumlah dilindungi<sup>1</sup> atau nilai akaun akan dibayar sekiranya berlaku kematian<sup>2</sup> atau kematian semasa menunaikan *Haji* atau *Umrah*



**300%** jumlah dilindungi<sup>1</sup> atau nilai akaun akan dibayar sekiranya berlaku kematian disebabkan kemalangan semasa menaiki kenderaan awam<sup>2</sup>




**GANJARAN BERNILAI APABILA MATANG!**

Terima **100%** dari nilai akaun setelah kematian sijil




**Pendorong Kematangan,** penambahan **20%** nilai akaun<sup>3</sup>



**PILIH BERDASARKAN KEPERLUAN ANDA!**

Fleksibiliti untuk memilih tempoh perlindungan dan tempoh caruman



Nota:

<sup>1</sup> Jika berlaku kematian selepas umur 80 tahun, tambahan 20% dari nilai akaun<sup>3</sup> akan dibayar.

<sup>2</sup> Sebelum umur 70 tahun sahaja.

<sup>3</sup> Tertakluk kepada jumlah maksimum 20% dari jumlah dilindungi asas.



**HAD TANPA PEMERIKSAAN PERUBATAN YANG TINGGI!**

Perlindungan setinggi **RM 1.5 juta** tidak memerlukan pemeriksaan kesihatan<sup>5</sup>



**TINGKATKAN PERLINDUNGAN ANDA!**

Lindungi diri anda daripada penyakit kritikal dengan faedah pilihan:

- A-Plus *CriticalCare-i* – membayar faedah sekaligus apabila disahkan menghidap penyakit kritikal<sup>5</sup>
- A-Plus *Waiver-i* – mengetepikan caruman setelah disahkan menghidap penyakit kritikal<sup>4</sup>



**PENYELESAIAN YANG PATUH SYARIAH!**

Memenuhi keinginan anda untuk perlindungan patuh Syariah

Memenuhi matlamat kewangan anda dengan instrumen – instrumen pelaburan Islam



## Apakah yang perlu saya buat?

**LANGKAH 5**  
PILIH FAEDAH-FAEDAH PILIHAN

A-Plus *CriticalCare-i* A-Plus *Waiver-i*

**LANGKAH 5**

**LANGKAH 4**  
PILIH DANA-DANA BERKAITAN PELABURAN

A-Dana Income

A-Dana Balanced

A-Dana Equity

**LANGKAH 4**

**LANGKAH 3**  
PILIH TEMPOH BAYARAN CARUMAN



**LANGKAH 3**

**LANGKAH 2**  
PILIH UMUR MATANG / TEMPOH PERLINDUNGAN<sup>6</sup>

UMUR 70 TAHUN

UMUR 80 TAHUN

UMUR 100 TAHUN



**LANGKAH 2**

**LANGKAH 1**  
PILIH JUMLAH PERLINDUNGAN

Jumlah Dilindungi minimum adalah RM 500,000



**LANGKAH 1**

Nota:

<sup>4</sup> Bergantung kepada umur dan keadaan kesihatan orang dilindungi.

<sup>5</sup> Faedah-faedah berbayar akan ditolak dari Jumlah Dilindungi bagi pelan asas.

<sup>6</sup> Opsyen untuk tempoh perlindungan bergantung kepada umur kemasukan.

## Perkara Yang Anda Perlu Tahu

### S: Apakah maksud Takaful?

Takaful ialah skim saling bantu-membantu berdasarkan prinsip-prinsip perpaduan, persaudaraan dan kerjasama. Setiap peserta bersetuju untuk membuat sumbangan berdasarkan *Tabarru'* (derma) ke dalam suatu dana, iaitu Dana Risiko Peserta (DRP), yang akan digunakan untuk saling bantu-membantu di saat diperlukan.

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC) sebagai Pengendali Takaful diamanahkan untuk melabur dengan sewajarnya dan menguruskan dana ini berdasarkan strategi pelaburan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

### S: Apakah itu A-Life *Signature-i* ?

**A-Life *Signature-i*** adalah pelan Takaful berkaitan pelaburan dengan caruman berkala tetap patuh Syariah yang memberikan perlindungan ke atas kematian termasuk kematian disebabkan kemalangan atau kematian semasa menunaikan ibadah *Haji* atau *Umrah* dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK).

Anda boleh memilih tempoh caruman dan tempoh perlindungan sedia ada mengikut keperluan anda.

Pelan ini membenarkan anda untuk membuat pengeluaran awal dan membuat tokokan amaun pelaburan anda. Sebagai tambahan, anda boleh menikmati perlindungan dari penyakit-penyakit kritikal dengan kos tambahan.

### S: Siapakah yang layak untuk menyertai A-Life *Signature-i* ?

Pelan ini boleh disertai oleh individu yang berumur di antara 18 tahun ke 70 tahun. Tempoh perlindungan adalah berbeza berdasarkan umur kemasukan, seperti yang diterangkan dalam jadual di bawah.

Umur Kemasukan	Umur Matang / Tempoh Perlindungan
18 – 55	Sehingga umur 70, 80 atau 100
56 – 65	Sehingga umur 80 atau 100
66 – 70	Sehingga umur 100

### S: Berapakah caruman yang perlu dibayar untuk menyertai A-Life *Signature-i* ?

Caruman adalah tetap dan bergantung kepada Jumlah Dilindungi yang telah dipilih. Jadual di bawah menunjukkan kadar caruman tahunan bagi Jumlah Dilindungi RM 500,000, bagi lelaki umur 40 bukan perokok, dengan kesihatan standard, dengan Umur Matang / Tempoh Perlindungan sehingga umur 70 tahun:

Tempoh Caruman	Caruman Tahunan
5	RM 18,875
10	RM 9,765
20	RM 5,455
Tempoh Penuh	RM 4,160

### S: Berapa lamakah tempoh bayaran caruman bagi A-Life *Signature-i* ?

Anda harus mencarum mengikut kepada tempoh caruman yang telah anda pilih, 5 tahun, 10 tahun, 20 tahun atau tempoh penuh.

Caruman boleh dibayar mengikut mod pembayaran; tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan. Anda boleh memilih untuk membuat pembayaran caruman dengan kad kredit, kemudahan auto-debit bank, cek atau wang tunai.

### S: Bagaimana caruman saya diperuntukkan?

Caruman Berkala oleh Anda:	
Caruman Diperuntukkan	Yuran <i>Wakalah</i>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Caruman-caruman yang diperuntukkan akan digunakan untuk membeli unit-unit berdasarkan harga unit.</li> <li>Unit-unit yang telah dibeli akan dimasukkan ke dalam Dana Pelaburan Peserta (DPP).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Wakalah</i> adalah kontrak di antara Peserta dengan Pengendali Takaful, di mana Peserta memberi kebenaran kepada Pengendali Takaful untuk bertindak bagi pihak mereka untuk menjalankan urusan-urusan Takaful.</li> <li>Caruman akan dipotong mengikut peratusan yang ditentukan terlebih dahulu sebagai yuran <i>Wakalah</i>, dan ia akan digunakan untuk membayar perkhidmatan yang diberi oleh Pengendali Takaful.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebahagian daripada unit-unit akan digunakan untuk membayar <i>Tabarru'</i> secara bulanan dan akan dikreditkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Yuran <i>Wakalah</i> akan digunakan untuk menampung perbelanjaan pengurusan dan kos pengagihan secara langsung oleh Pengendali Takaful, termasuk komisyen yang dibayar kepada ejen-ejen.</li> </ul>

Caruman berkala anda bergantung kepada tempoh caruman yang telah anda pilih. Sila rujuk kepada Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut. Bergantung kepada opsyen yang telah anda pilih, sebahagian dari caruman anda akan dicarumkan ke **A-Life *SignatureSaver-i*** dengan jumlah peruntukkan lebih tinggi, sebanyak 95%.

Caruman yang diperuntukkan akan digunakan untuk membentuk akaun-akaun berikut di dalam **A-Life Signature-i**:

Jenis-jenis Akaun	Penerangan
Dana Pelaburan Peserta (DPP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>DPP individu terdiri daripada unit-unit (dikenali sebagai Nilai Akaun) yang dihasilkan dengan melaburkan Caruman Diperuntukkan yang dibayar oleh Peserta ke dalam Dana-dana Berkaitan Pelaburan.</li> <li>DPP terdiri daripada Akaun Perlindungan dan Akaun Simpanan. Caruman berkala untuk pelan asas dan caruman tokokan tidak berjadual akan diperuntukkan ke dalam Akaun Perlindungan, sementara caruman tokokan berjadual akan diperuntukkan ke dalam Akaun Simpanan.</li> </ul>
Dana Risiko Peserta (DRP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>DRP adalah dana di mana <i>Tabarru'</i> dikreditkan untuk tujuan menyediakan perlindungan dan membayar tuntutan-tuntutan ke atas perkara/risiko di bawah liputan Sijil Takaful.</li> <li><i>Tabarru'</i> ditolak secara bulanan daripada nilai di dalam Akaun Perlindungan dan Akaun Simpanan (jika kebenaran diperolehi dari Pencarum) dan dikreditkan ke dalam DRP.</li> <li><i>Tabarru'</i> adalah satu bentuk derma bertujuan untuk saling bantu-membantu di kalangan Peserta-Peserta yang memerlukan bantuan.</li> </ul>

### S: Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

#### i. *Tabarru'*

*Tabarru'* ditolak setiap bulan bergantung kepada umur tercapai dan akan meningkat apabila anda menjadi tua.

#### ii. Caj Perkhidmatan Bulanan

Caj perkhidmatan bulanan ditolak setiap bulan melalui pemotongan unit dari Nilai Akaun anda seperti di bawah:

Mod Pembayaran Caruman	Caj Perkhidmatan Bulanan
Bulanan	RM5.30
Suku Tahunan, Setengah Tahunan atau Tahunan	RM6.36

Caj perkhidmatan bulanan di atas adalah termasuk dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada kadar semasa iaitu 6% dan mungkin tertakluk kepada perubahan.

### iii. Caj Pengurusan Dana

No	Nama Dana	Caj Semasa*
1.	A-Dana Income	0.500%
2.	A-Dana Equity	1.500%
3.	A-Dana Balanced	1.200%

\* Dicaj sebagai peratusan dari nilai aset bersih

Nota: Pengendali Takaful berhak untuk menyemak semula caj-caj dengan memberi Peserta notis bertulis 3 bulan terlebih dahulu

### S: Bagaimana saya menentukan jenis dana untuk portfolio pelaburan saya?

Anda perlu tahu toleransi risiko peribadi anda apabila memilih portfolio pelaburan anda. Anda boleh mengetahui maklumat lanjut mengenai Dana Berkaitan Pelaburan dan manfaat serta risiko dalam risalah Helaian Fakta Dana.

Setiap Dana Berkaitan Pelaburan kami adalah tertakluk kepada Caj Pengurusan Dana. Sila rujuk kepada Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Produk untuk jenis dana yang tersedia untuk **A-Life Signature-i** dan caj masing-masing.

### S: Berapakah jenis Dana yang terdapat untuk pelan ini?

Terdapat 3 jenis Dana untuk pelan ini. Anda boleh mengetahui lebih lanjut dengan menyemak risalah Helaian Fakta Dana.

No	Dana Pelaburan	Objektif Pelaburan	Instrumen
1.	A-Dana Income	Untuk menyediakan aliran pendapatan yang mantap dan kenaikan modal jangka panjang sambil mengekalkan modal yang dilaburkan.	Melabur dalam sekuriti pendapatan tetap (Sukuk), instrumen pasaran kewangan Islam dan Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) yang diluluskan Syariah dan yang disenaraikan di Bursa Malaysia.
2.	A-Dana Equity	Untuk memaksimumkan kenaikan modal jangka panjang.	Melabur dalam ekuiti yang diluluskan oleh Syariah, Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) dan sekuriti berkaitan equiti yang disenaraikan di Bursa Malaysia.
3.	A-Dana Balanced	Untuk memaksimumkan jumlah pulangan dengan tahap keselamatan modal yang munasabah.	Melabur dalam portfolio pelbagai yang terdiri daripada saham, bon dan instrument pasaran kewangan yang patuh Syariah.



**S: Adakah saya layak untuk menukar dana dan apakah caj-caj bagi penukaran dana?**

Ya, anda dibenarkan untuk menukar dana anda mengikut tahap toleransi risiko anda. Caj Penukaran Dana buat masa ini adalah percuma. Pengendali Takaful berhak untuk menyemak semula caj dengan memberi Peserta-peserta notis bertulis 3 bulan terlebih dahulu.

**S: Adakah saya akan mendapat Lebihan?**

Lebihan akan ditentukan dan diisytiharkan, jika ada, sekurang-kurangnya setahun sekali oleh Pengendali Takaful. Jika ada Lebihan yang wujud daripada Dana Risiko Peserta (DRP), amaun akan diagihkan kepada Pengendali Takaful dan Peserta pada nisbah berikut:

	Pengendali Takaful	Peserta
Lebihan dalam DRP	50%	50%

Lebihan akan dikongsi oleh para Peserta yang layak mengikut kadar *Tabarru'* mereka dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Perlindungan setiap DPP individu.

**S: Adakah caruman yang dibayar untuk A-Life *Signature-i* layak untuk pelepasan cukai pendapatan?**

Ya. Caruman dibayar untuk pelan ini boleh melayakkan anda mendapat pelepasan cukai peribadi tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

**S: Apakah pengecualian-pengecualian utama untuk A-Life *Signature-i* ?**

**Faedah Kematian atau Faedah Kematian semasa menjalankan *Haji* atau *Umrah***

- Kematian yang disebabkan oleh membunuh diri semasa siuman atau tidak siuman dalam tempoh 1 tahun dari tarikh penyertaan atau tarikh mula, yang mana dahulu.

**Faedah HUMK**

Pelan ini tidak melindungi:

- Pendedahan kepada bahaya secara sengaja, cubaan pemusnahan diri atau kecederaan diri semasa siuman ataupun tidak siuman;
- Perkhidmatan dalam angkatan bersenjata semasa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa menjalani perintah untuk operasi yang menyerupai peperangan atau pemulihan ketenteraman awam;
- Memasuki, keluar, mengendali, memberi khidmat, atau diangkut melalui sebarang peranti atau pengangkutan udara melainkan apabila Orang Dilindungi adalah penumpang berbayar atau ahli krew untuk penerbangan pengangkutan udara komersial di perjalanan penumpang berjadual biasa melalui laluan penumpang yang ditetapkan;
- Sebarang kecacatan kongenital yang telah dipaparkan atau telah didiagnosiskan sebelum Orang Dilindungi mencapai umur tujuh belas 17 tahun; atau
- Hilang upaya yang sedia ada akibat keadaan fizikal atau mental.

**Faedah Kematian akibat Kemalangan (termasuk di dalam Pengangkutan Awam)**

Pelan ini tidak melindungi:

- Serangan atau pembunuhan;
- Rusuhan dan keganasan awam, tindakan industri atau kegiatan pengganas;
- Pendedahan kepada bahaya secara sengaja, cubaan pemusnahan diri atau kecederaan diri semasa siuman ataupun tidak siuman;
- Peperangan, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, atau revolusi;
- Perkhidmatan dalam sebarang angkatan bersenjata semasa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa menjalani perintah untuk operasi yang menyerupai peperangan atau pemulihan ketenteraman awam;
- Membuat tangkapan sebagai pegawai undang-undang;
- Perlanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan;
- Terlibat dalam sebarang pergaduhan atau perkelahian;
- Berlumba dengan menunggang kuda atau kenderaan beroda;
- Kemalangan yang berlaku ketika atau kerana Orang Dilindungi dipengaruhi oleh alkohol, sebarang dadah yang bukan dipreskripsikan atau dadah haram;
- Hernia, infeksi ptomaina atau bakteria (kecuali infeksi piogenik yang berlaku dengan atau melalui luka atau cedera akibat kemalangan);
- Penggunaan atau penyedutan disengajakan atau secara cuai gas, racun atau asap berbahaya; atau
- Memasuki, keluar, mengendali, memberi khidmat, atau diangkut melalui sebarang peranti atau pengangkutan udara melainkan apabila Orang Dilindungi adalah penumpang berbayar atau ahli krew untuk penerbangan pengangkutan udara komersial di perjalanan penumpang berjadual biasa melalui laluan penumpang yang ditetapkan.

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah pelan ini.

## Untuk perhatian anda:

### Pendedahan Am

1. Anda harus memastikan pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar amaun caruman yang perlu dibayar di bawah sijil ini.
2. Jika sijil ini dibatalkan dalam tempoh percubaan 15 hari, yuran *Wakalah*, Nilai Akaun (jika ada), sebarang *Tabarru'* dan Caj Perkhidmatan Bulanan yang telah ditolak selepas dikurangkan perbelanjaan perubatan (jika ada) akan dipulangkan.
3. *Tabarru'* untuk pelan ini adalah tidak dijamin dan AIA PUBLIC berhak untuk menyemak semula *Tabarru'* dengan memberi Peserta 3 bulan notis bertulis terlebih dahulu.
4. **Pelan ini merupakan pelan Takaful Berkaitan Pelaburan yang terikat kepada prestasi aset yang mendasari, dan ianya bukan satu produk pelaburan semata-mata seperti unit amanah.**
5. Jika anda tidak membayar caruman, sijil anda akan terus berkuatkuasa, selagi Nilai Akaun dalam Dana Pelaburan Peserta (DPP) adalah mencukupi untuk menampung caj-caj yang berkaitan. Jika sebarang caruman tidak dibayar dan Nilai Akaun DPP tidak mencukupi untuk menampung caj-caj sijil berkaitan, sijil anda akan luput selepas tempoh ihsan.
6. Pelan Takaful ini tidak menyediakan faedah daripada Dana Risiko Peserta (DRP) selepas penamatan, mencapai tempoh matang atau apabila sijil ditamatkan.
7. Sila rujuk kepada Ilustrasi Produk untuk faedah-faedah yang dijamin dalam pelan ini.
8. Penyertaan dalam sijil Takaful Keluarga caruman berkala adalah satu komitmen jangka panjang. Anda dinasihatkan supaya tidak memiliki pelan ini hanya untuk jangka masa yang pendek sahaja kerana kos permulaannya adalah tinggi.
9. Pelan ini merupakan pelan Takaful berkaitan pelaburan yang terikat kepada prestasi aset yang mendasari, dan ianya bukan produk pelaburan sepenuhnya seperti unit amanah.
10. Anda mungkin mahu mempertimbangkan penyertaan dalam pelan Takaful berkaitan pelaburan caruman tunggal untuk memaksimumkan pulangan pelaburan dengan perlindungan hayat yang minimum. Walau bagaimanapun, pilihan ini mungkin tidak boleh memenuhi keperluan perlindungan anda.
11. Risalah ini hanya memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama pelan ini. Ia tidak membentuk satu Sijil Takaful. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut tentang terma dan syarat yang bertepatan.

### Pendedahan Berkaitan Dana

1. Sebelum melabur ke dalam Dana Berkaitan Pelaburan ("Dana"), anda perlu mengambil kira sama ada Dana ini memenuhi objektif pelaburan dan tahap risiko anda.
2. Anda harus sedia maklum bahawa mana-mana pelaburan mempunyai risiko pelaburan yang akan ditanggung sepenuhnya oleh Peserta.
3. Nilai Akaun dalam Dana Peserta tidak dijamin dan akan berubah-ubah berdasarkan prestasi Dana, dan pulangan mungkin kurang daripada jumlah caruman yang disumbangkan kepada Dana.
4. Pulangan Dana (jika ada) akan berdasarkan kepada prestasi sebenar daripada Dana. Aset yang mendasari setiap Dana dinilai pada setiap hari perniagaan untuk menentukan harga unit.
5. Prestasi Dana ini tidak terjamin dan nilai pelaburan dan pendapatan yang diperolehi boleh meningkat atau berkurangan. Prestasi masa lalu bukan panduan kepada prestasi akan datang atau berkemungkinan.
6. AIA PUBLIC berhak untuk menggantung penerbitan atau penebusan unit-unit dalam mana-mana keadaan luar biasa seperti penutupan sementara mana-mana bursa berdaftar yang berkaitan atau kemungkinan kesan buruk kesan jualan umum pelaburan dalam tempoh yang singkat.

### Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Sila maklum bahawa bermula 1 April 2015, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) akan dikenakan ke atas *Tabarru'* yang perlu dibayar pada kadar semasa untuk rider-rider bercukai sijil anda, jika dilampirkan bersama sijil anda. GST juga boleh dicaj ke atas yuran dan caj yang dikenakan kepada sijil anda. Amaun ini akan ditolak dari Nilai Akaun sijil anda.

Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas mengenai produk ini dan tidak menyeluruh. Anda disarankan untuk mendapatkan salinan Ilustrasi Produk, Helaian Pendedahan Produk dan Helaian Fakta Dana untuk maklumat lanjut tentang produk ini. Untuk penjelasan terperinci berkenaan faedah, pengecualian, terma dan syaratnya, sila rujuk kepada Sijil Takaful.



All these years, you have been their provider and protector. You've wiped away every tear. Comforted and strengthened them in tough times. Family is not just an important thing, it's everything.

And you've worked hard to build a great financial foundation for them. Now, as you plan for their future, you find yourself asking the unthinkable, "Who will take care of them when I am not around?"

Introducing **A-Life Signature-i**, an investment-linked Takaful plan designed for the one you loved most. Choose the period of coverage and amount you want to pay every month. With additional optional benefits, you are also protected against critical illnesses.

In the event of death or total permanent disability, your family gets 100% of the sum covered or account value, whichever is higher. As for accidental death or death while you are performing *Hajj* and *Umrah*, your family gets 200% of the sum covered or account value, whichever is higher. Of course, nothing can ever make up for the loss of a loved one, but this small amount can help your spouse and children to continue with their current lifestyle, and perhaps even pursue their hopes and ambitions.

Don't let little things get in the way of big plans. Give your family the future they deserve. With **A-Life Signature-i**, you are helping to lay a strong financial future for all their tomorrows.

## A closer look at the benefits



**PROTECTING YOUR LOVED ONES' FUTURE AND LIFESTYLE!**

Pays higher of **100%** of current sum covered<sup>1</sup> or account value upon death or total permanent disability (TPD)<sup>2</sup>



Pays higher of **200%** of current sum covered<sup>1</sup> or account value upon accidental death<sup>2</sup> or death during *Hajj* or *Umrah*<sup>2</sup>



Pays higher of **300%** of current sum covered<sup>1</sup> or account value if accidental death happens while in public conveyance<sup>2</sup>




**REWARDS WITH VALUE AT MATURITY!**

Receive **100%** of account value at maturity




**Maturity Booster,**

an additional **20%** of account value<sup>3</sup>



**CHOOSE ACCORDING TO YOUR NEEDS!**

Flexibility to choose the maturity age / coverage term and the contribution payment term



Notes:

<sup>1</sup> For death after age 80, an additional 20% of account value<sup>3</sup> is payable.

<sup>2</sup> Prior to age 70 only.

<sup>3</sup> Subject to a maximum of 20% of the current sum covered of the basic plan.





**HIGH  
NON-MEDICAL  
LIMIT!**

Coverage up to  
**RM 1.5 million**  
may not need to go for medical  
checkup<sup>5</sup>



**ENHANCE YOUR  
PROTECTION!**

Protect yourself against critical  
illness with the optional benefits:

- A-Plus *CriticalCare-i* – pays you a lump sum benefit upon diagnosis of critical illness<sup>5</sup>
- A-Plus *Waiver-i* – waives the regular contribution upon diagnosis of critical illness<sup>4</sup>




**SHARIAH  
COMPLIANT  
SOLUTIONS!**

Enjoy Shariah compliant protection

Meet your financial goals with Islamic  
investment instruments



## What should I do?



Notes:

<sup>4</sup> Depending on the age and health condition of the person covered.

<sup>5</sup> The benefit payable shall accelerate the sum covered of the basic plan.

<sup>6</sup> The options for coverage terms depends on the entry age.

## Things you should know

### Q: What is Takaful?

Takaful is a mutual assistance scheme based on the principles of solidarity, brotherhood, and cooperation. Each participant agrees to contribute on the basis of *Tabarru'* (donation) into a fund, namely the Participants' Risk Fund (PRF), which will be used to assist each other in times of need.

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC) as a Takaful Operator is entrusted to properly invest and manage this fund in accordance with the investment strategy that complies with Shariah principles.

### Q: What is A-Life *Signature-i* ?

A-Life *Signature-i* is a Shariah-compliant fixed regular contribution investment-linked Takaful plan which covers death including accidental death or death during *Hajj* or *Umrah* and total permanent disability (TPD). You may choose the contribution payment term and coverage term that suit your budget and needs.

This plan gives you flexibility for early withdrawals and to top-up your investment amount. In addition, you can also enjoy critical illness coverage at additional cost.

### Q: Who is eligible to participate in A-Life *Signature-i* ?

This plan is available to individuals between 18 - 70 years old. Coverage term is varied by entry age as shown in the table below.

Entry Age	Maturity Age / Coverage Term
18 – 55	Up to age 70, 80 or 100
56 – 65	Up to age 80 or 100
66 – 70	Up to age 100

### Q: How much do I have to pay for A-Life *Signature-i* ?

The contribution is fixed based on the chosen Sum Covered.

Table below shows the indicative annual contribution rates of RM 500,000 Sum Covered, for non-smoker male aged 40 of standard health, with Maturity Age / Coverage Term up to age 70:

Contribution Payment Term	Annual Contribution
5	RM 18,875
10	RM 9,765
20	RM 5,455
Full Term	RM 4,160

### Q: How long should I pay the contribution for A-Life *Signature-i* ?

You should pay according to the contribution term you have chosen, i.e. 5 years, 10 years, 20 years or full coverage term.

Contributions are payable according to payment mode: annual, half-yearly, quarterly and monthly. You can opt to make contribution payments with credit card, bank auto-debit facilities, cheque or cash.

### Q: How my contribution is being allocated?

Regular Contribution Paid by You:	
Allocated Contributions	Wakalah Fee
<ul style="list-style-type: none"> <li>The allocated contributions will be used to purchase units based on unit price.</li> <li>The unit purchased will be placed into Participant's Investment Fund (PIF).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Wakalah</i> is the contract between the Participant and the Takaful Operator, where the Participant authorizes the Takaful Operator to act on their behalf to conduct the affairs of Takaful business.</li> <li><i>Wakalah</i> Fee is deducted as a percentage of Contribution to pay the Takaful Operator for these services.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>A portion of the units will be deducted as <i>Tabarru'</i> on a monthly basis and credited into the Participant's Risk Fund (PRF).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Wakalah</i> Fee will be used to meet the Takaful Operator's expenses and direct distribution cost, including the commission payable to the agents.</li> </ul>

Your regular contribution allocation rate depends on the contribution payment term of your choice. Please refer to Product Illustration and Product Disclosure Sheet for details. Depending on the option you choose, part of your contribution may be placed in A-Life *SignatureSaver-i* which has a higher allocation rate of 95%.

The allocated contributions will be used to create the following accounts in **A-Life Signature-i**:

Types of Account	Description
Participant's Investment Fund (PIF)	<ul style="list-style-type: none"> <li>The individual PIF consists of units (i.e. Account Value) that are created by investing Allocated Contributions paid by Participant in the Investment-Linked Fund(s).</li> <li>PIF consists of Protection Account and Savings Account. The protection contribution for the basic plan and ad-hoc top-up will be allocated into Protection Account while saving contribution for the basic plan will be allocated into Savings Account.</li> </ul>
Participants' Risk Fund (PRF)	<ul style="list-style-type: none"> <li>PRF is the fund where <i>Tabarru'</i> are credited into for the purpose of providing protection and meeting claims on the event/risks covered under the Takaful Certificate.</li> <li><i>Tabarru'</i> is deducted monthly from the value in the Protection Account and Savings Account (if Protection Account is insufficient) and credited into PRF.</li> <li><i>Tabarru'</i> is a donation for the purpose of mutual help and assistance to fellow Participant in need.</li> </ul>

**Q: What are the fees and charges that I have to pay?**

i. **Tabarru'**

The *Tabarru'* is deducted monthly depending on your attained age and it will increase as your get older.

ii. **Monthly Service charge**

A monthly service charge is deducted monthly via cancellation of units from your account value as below:

Contribution Payment Mode	Monthly Service Charge
Monthly	RM5.30
Quarterly, Half-yearly or Annually	RM6.36

The monthly service charge quoted above is inclusive of Goods and Services Tax (GST) based on the prevailing rate of 6 % and may be subject to change.

iii. **Fund management charge**

No.	Funds	Current Charge*
1.	A-Dana Income	0.500%
2.	A-Dana Equity	1.500%
3.	A-Dana Balanced	1.200%

\* Chargeable as a percentage of the net asset value

Note: The Takaful Operator reserves the right to revise the charges by giving the Participant 3 months prior written notice.

**Q: How do I determine the type of fund for my investment portfolio?**

You must be aware of your personal risk tolerance when choosing your investment portfolio. You can obtain further information about the nature of our Investment-Linked Fund(s) and its benefits and risks in the Fund Fact Sheet leaflet.

Each of our Investment-Linked Fund(s) is subjected to Fund Management Charge. Please refer to the Product Disclosure Sheet and Product Illustration for the type of funds available in **A-Life Signature-i** and its respective charges.

**Q: How many funds are available for this plan?**

There are 3 investment-linked funds available for this plan. You may refer to the Fund Fact Sheet for details.

No.	Investment Fund	Investment Objective	Instruments
1.	A-Dana Income	To provide a safe and steady stream of income returns.	Invest in Islamic income securities (Sukuk), Islamic money market instruments and Shariah-approved Real Estate Investment Trusts (REITs) listed on Bursa Malaysia.
2.	A-Dana Equity	To provide medium to long-term growth.	Invest in Shariah-approved equities, Real Estate Investment Trusts (REITs) and equity-related securities listed on Bursa Malaysia.
3.	A-Dana Balanced	To maximize total returns with reasonable safety of principal.	Invests in ringgit denominated Shariah compliant instruments including sukuk, equity, and unit trust approved by Securities Commission.

**Q: Am I eligible for fund switching and what are the charges for fund switching?**

Yes, you are allowed to switch your funds according to your risk tolerance level. The fund switching charge is currently free. The Takaful Operator reserves the right to revise the charge by giving the Participant 3 months prior written notice.

**Q: Do I get to enjoy surplus?**

Surplus will be determined and declared, if any, at least once a year by the Takaful Operator. If there is any surplus arising from the PRF, the net surplus, after claims payable and required capital shall be shared by the Takaful Operator and Participant at the following ratios:

	Takaful Operator	Participant
Surplus in PRF	50%	50%

The Surplus will be shared with the eligible Participants proportionally in accordance to their *Tabarru'* allocation and will then be credited into the Protection Account of each individual's PIF.

**Q: Are the contributions made for A-Life *Signature-i* eligible for income tax relief?**

Yes. Contributions paid for this plan may qualify you for a personal tax relief subject to the final decision of the Inland Revenue Board of Malaysia.

**Q: What is not covered by A-Life *Signature-i* ?**

**Death Benefit or Death during *Haji* or *Umrah* Benefit**

- This plan does not cover death due to suicide while sane or insane within 1 year from the Issue Date or Commencement date of this certificate, whichever is later.

**TPD Benefit**

This plan does not cover:

- Willful exposure to danger or attempted self-destruction or self-inflicted injuries while sane or insane;
- Services in any armed forces in time of declared or undeclared war or while under orders for warlike operations or restoration of public order;
- Activities connected to any aerial device or conveyance except as a fare-paying passenger or crew member on a commercial airline on a regular scheduled passenger trip over its established passenger route;
- Any congenital defect which has manifested or was diagnosed before age 17; or
- Pre-existing disability resulting from a physical or mental condition.

**Accidental Death Benefit (including in Public Conveyance)**

This plan does not cover:

- Assault or murder;
- Riot and civil commotion, industrial action or terrorist activity;
- Willful exposure to danger or attempted self-destruction or self-inflicted injuries while sane or insane;
- War, declared or undeclared, or revolution;
- Service in the armed forces in time of declared or undeclared war or while under orders for warlike operations or restoration of public order;
- Making an arrest as an officer of the law;
- Violation or attempted violation of the law or resistance to arrest;
- Participation in any fight or affray;
- Racing on horse or wheels;
- Accident occurring while or because the Person Covered is under the influence of alcohol, any non-prescribed drug or illegal drug;
- Hernia, ptomaines or bacterial infection (except pyogenic infection which shall occur with and through an accidental cut or wound);
- The intentional or negligent inhalation or consumption of poison, gases or noxious fumes; or
- Entering, exiting, operating, or servicing, or being transported by any aerial device or conveyance except when the Person Covered is a fare-paying passenger or crew member on a commercial passenger airline on a regular scheduled passenger trip over its established passenger route.

This list is non-exhaustive. Please refer to the Takaful Certificate for the full details of the exclusions.

## For your attention

### General Disclosures

1. You should satisfy yourself that this plan will best serve your need and you can afford the contribution payable under this certificate.
2. If this certificate is cancelled within 15 days free look period, the *Wakalah* Fee, Account Value (if any), any *Tabarru'* and Monthly Service Charge that have been deducted less medical expenses (if any) will be refunded.
3. The *Tabarru'* for this plan is not guaranteed and AIA PUBLIC reserve the right to revise the *Tabarru'* by giving the Participant 3 months prior written notice.
4. **This plan is an investment-linked Takaful plan and is tied to the performance of underlying assets, and it is not a pure investment product such as unit trust.**
5. In the event of non-payment of your contribution, your certificate will remain in-force, as long as your Account Value in Participant's Investment Fund (PIF) is sufficient to cover the relevant charges. If any contribution is unpaid and the Account Value of PIF becomes insufficient to cover the relevant certificate charges, your certificate shall lapse after the grace period.
6. This Takaful plan will not provide benefit from Participants' Risk Fund (PRF) upon termination, maturity or expiry of the certificate.
7. Please refer to the Product Illustration for guaranteed benefits under this plan.
8. Participating in a regular contribution Family Takaful certificate is a long-term commitment. It is not advisable to hold this plan for a short period of time in view of the high initial costs.
9. You may consider participating in a single contribution investment-linked Takaful plan to maximize your investment returns with minimal life protection. However, this option may not fulfill your life protection needs.
10. This brochure provides a summary of the main features of this plan. It does not constitute a Takaful Certificate. Please refer Takaful Certificate for more details or exact terms and conditions.
11. Should you require additional information about Family Takaful, please refer to the *insuranceinfo* booklet on "Family Takaful", "Investment-linked Takaful" and "Medical and Health Takaful". Or visit [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

### Fund Related Disclosures

1. Before investing into the Investment-Linked Fund(s) ["Fund"], you should consider whether this Fund meets your investment objective and tolerance to risk.
2. You should be aware that any investment carries with it a certain level of investment risk which will be borne solely by the Participant.
3. The Account Value in Participant's Investment Fund is not guaranteed and fluctuates based on the performance of the Fund, and the returns maybe less than the total contributions contributed to the Fund.
4. The returns of the Fund (if any) will be based on the actual performance of the Fund. The underlying assets of each Fund are valued on each business day to determine the unit price of a unit.
5. The performance of the Fund is not guaranteed and the value of investment and their derived income may increase or decrease. Past performance is not a guide to future or likely performance.
6. AIA PUBLIC reserves the right to suspend the issuance or redemption of units in any exceptional circumstances such as temporary closure of any relevant registered exchange or possible adverse effect of general sales of investment in a short period.

### Goods and Services Tax (GST)

Please note that with effect from 1 April 2015, a Goods and Services Tax (GST) will be chargeable at the prevailing rate on the *Tabarru'* for the taxable riders of your certificate, if attached to your certificate. The GST is also chargeable on the fees and charges applicable to your certificate. These amounts will be deducted from the Account Value of your certificate.

This brochure contains only a brief description of the product and is not exhaustive. It is recommended that you request for a copy of the Product Illustration, Product Disclosure Sheet and Fund Fact Sheet to know more about this product. For a detailed explanation of its benefits, exclusions, terms and conditions, please refer to the Takaful Certificate.



## Tentang AIA PUBLIC

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC) dimiliki bersama oleh AIA Co. Ltd. (AIA), Public Bank Berhad (PBB) dan Public Islamic Bank Berhad (anak syarikat milik penuh PBB). Ditubuhkan pada 11 Mac 2011, AIA PUBLIC menggunakan kedudukan AIA dan Kumpulan PBB sebagai peneraju di samping infrastruktur dan rangkaian pengedaran di dalam industri insurans dan perbankan yang kukuh bagi memacu pertumbuhan dan meningkatkan penembusan Takaful Keluarga di dalam pasaran domestik.

AIA PUBLIC komited dalam menawarkan penyelesaian Syariah yang tepat bagi memenuhi keperluan yang berbeza pada setiap peringkat kehidupan pelanggan-pelanggan kami.

## About AIA PUBLIC

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC) is jointly owned by AIA Co. Ltd. (AIA), Public Bank Berhad (PBB) and Public Islamic Bank Berhad (a wholly-owned subsidiary of PBB). Incorporated on 11 March 2011, AIA PUBLIC leverages on AIA and PBB Group's leadership positions as well as established infrastructure and distribution networks in the insurance and banking industries to drive growth and increase the Family Takaful penetration in the domestic market.

AIA PUBLIC is committed to offering the right Shariah solutions to meet the different life stages needs of our customers.

## Hubungi Kami untuk Maklumat Lanjut / Please Contact Us for More Information

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi AIA LIFE PLANNER yang dibenarkan.



Anda juga boleh menghubungi kami di alamat dan talian berikut:

**AIA PUBLIC Takaful Bhd.** (935955-M)  
99 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur  
Careline : 1300 88 8922  
F : 03-2056 3690  
E : my.customer@aiapublic.com.my

AIAPUBLIC.COM.MY

**AIA PUBLIC Takaful Bhd.** adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. / **AIA PUBLIC Takaful Bhd.** is licensed under Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.